

# Keusahawan digital antara fokus kepada pelajar IPT

[Mohd Iskandar Ibrahim dan Lugman Arif Abdul Karim](#) - November 4, 2020 @ 12:49pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/749848/keusahawan-digital-antara-fokus-kepada-pelajar-ipt>

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang memuktamadkan Pelan Tindakan Keusahawan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025 dan Garis Panduan KPT Ke Arah Pendidikan Bersepadu Keusahawan (EIE) dalam memperkasakan agenda keusahawan dalam kalangan pelajar.

Menterinya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata kedua-dua pelan tindakan itu akan menjadi garis panduan asas yang lebih tuntas dalam mengupayakan pembentukan ekosistem keusahawan di institusi pengajian tinggi (IPT).

"KPT sentiasa komited dalam memastikan pendidikan tinggi negara berupaya melahirkan graduan yang holistik dan seimbang daripada aspek ilmu dan akhlak, bercirikan usahawan serta berupaya menjadi pemimpin yang cemerlang pada masa depan.



Gambar fail, Noraini Ahmad. - Foto NSTP

"Untuk makluman, sepanjang tahun 2016 hingga 2019, seramai 49,983 pelajar menjalankan perniagaan dalam tempoh pengajian dan daripada jumlah itu, seramai 7,148 graduan masih meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan selepas tamat pengajian," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) mengenai usaha kementerian untuk menambah jumlah usahawan dalam kalangan pelajar IPT.

Menjawab soalan tambahan Ahmad adakah KPT turut memberi fokus kepada keusahawanan e-dagang, Noraini berkata, ia antara bidang yang diberi tumpuan oleh kementeriannya.

"Bidang keusahawanan ini memang menjadi keutamaan KPT untuk dilaksanakan buat masa ini terutama keusahawanan digital sebab kita menekankan penguasaan kemahiran dan teknologi.

"Oleh itu pembangunan keusahawanan digital antara bidang yang diberikan tumpuan oleh kementerian, justeru KPT memperluas kerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Tekun Nasional dan sebagainya," katanya.